

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 OGOS 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 29

## Perkenal TVET seawal tingkatan satu

### Perkenal TVET seawal tingkatan satu

**KUALA TERENGGANU:** Kementerian Pendidikan disaran memperkenalkan pendidikan teknikal dan kemahiran (TVET) kepada pelajar di semua sekolah menengah seawal tingkatan satu.

Presiden Alumni Gabungan Pelajar Malaysia Semenanjung Kebangsaan (GPMS), Datuk Syed Anuar Syed Mohamad berkata, pendedahan awal memudahkan kaunselor di sekolah melihat kecenderungan pelajar sama ada dalam akademik atau TVET.

Menurut beliau, modul-modul yang diberikan kepada kaunselor-kaunselor sekolah perlu dikaji semula supaya pelajar yang tidak berminat dengan akademik beralih mempelajari bidang kemahiran.

Kata Syed Anuar, pada masa ini, pelajar dari tingkatan satu hingga lima juga hanya perlu menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

"Ini antara inisiatif agar tidak berlaku trend pelajar tidak minat dengan akademik (kerana modul dianggap membosankan atau membebankan), namun terpaksa meneruskan pelajaran hingga menduduki SPM atau lebih teruk, pelajar berhenti sekolah.

"Saya percaya masalah pengangguran lepasan SPM dapat diatasi sekiranya TVET dapat diperkatakan lebih awal kerana mereka mempunyai kemahiran bidang tertentu yang memenuhi keperluan pasaran kerja," katanya ketika dihubungi.

Menurut beliau, kaunselor juga perlu memainkan peranan penting untuk memberikan kefahaman kepada pelajar lepasan SPM bahawa mereka perlu mempelajari bidang-bidang kemahiran di institusi TVET untuk meneruskannya ke tahap lebih tinggi.